



KENYATAAN AKHBAR

JABATAN KESIHATAN NEGERI SELANGOR

PENGUATKUASAAN MINUMAN BERALKOHOL YANG TIDAK MEMATUHI PERUNTUKAN AKTA MAKANAN 1983

20 SEPTEMBER 2019

Pada 19 September 2019, pihak Jabatan Kesihatan Negeri Selangor telah menjalankan 'Ops Minuman Beralkohol' di seluruh Negeri Selangor. Objektif operasi ini adalah bagi memastikan semua produk minuman beralkohol yang tersenarai di bawah Peraturan 362 sehingga Peraturan 386, Peraturan-Peraturan Makanan (PPM) 1985 merangkumi produk seperti wain, sider, bir, tuak, spirit, brandi, rum, wiski, vodka, gin, samsu dan likeur yang dijual di pasaran mematuhi peruntukan berkaitan produk minuman beralkohol.

Antara perkara yang menjadi tumpuan semasa Ops Minuman Beralkohol ini adalah kepatuhan terhadap standard am bagi minuman beralkohol selain daripada keperluan pelabelan seperti berikut:

- i. Larangan penjualan minuman beralkohol kepada mereka yang berumur kurang daripada 21 tahun
- ii. Semua penjual minuman beralkohol diwajibkan untuk mempamerkan notis "MEMINUM ARAK BOLEH MEMBAHAYAKAN KESIHATAN" di hadapan lokasi di mana minuman beralkohol dijual dan tanda larangan jualan minuman beralkohol kepada mereka yang berumur kurang daripada 21 tahun di kaunter jualan minuman beralkohol;
- iii. Mewajibkan supaya minuman beralkohol untuk jualan dipamerkan di kabinet atau rak yang berasingan daripada kabinet atau rak makanan lain;
- iv. Mewajibkan pernyataan "MEMINUM ARAK BOLEH MEMBAHAYAKAN KESIHATAN" di atas semua label produk minuman beralkohol

Hasil daripada pemeriksaan 92 premis jualan di Negeri Selangor, sebanyak 831 produk minuman beralkohol pelbagai jenama bernilai RM11,695.10 telah dirampas kerana tidak

mematuhi keperluan pelabelan produk minuman beralkohol yang dinyatakan di dalam PPM 1985. Disamping itu juga, sebanyak 15 notis bawah Seksyen 32B Akta Makanan 1983 bagi pelbagai kesalahan yang boleh dikompaun telah dikeluarkan dengan nilai kompaun berjumlah RM52,500.00.


Kesalahan boleh dikompaun yang banyak ditemui adalah kegagalan penjual untuk mempamerkan notis “MEMINUM ARAK BOLEH MEMBAHAYAKAN KESIHATAN” di hadapan lokasi di mana minuman beralkohol dijual dan tanda larangan jualan minuman beralkohol kepada mereka yang berumur kurang daripada 21 tahun di kaunter jualan minuman beralkohol selain tidak menyediakan kabinet atau rak yang berasingan bagi mempamerkan minuman beralkohol dengan makanan lain untuk jualan.

Untuk makluman, JKN Selangor sentiasa peka dan prihatin terhadap perkara-perkara yang boleh menyebabkan kekeliruan dan penipuan dalam pengilangan dan penjualan produk makanan kepada pengguna. Tindakan penguatkuasaan yang berterusan akan dilakukan bagi memastikan tahap keselamatan dan kualiti makanan di negara ini adalah terkawal. Pengguna boleh menghubungi terus JKN Selangor atau Pejabat Kesihatan Daerah yang terdekat atau melalui laman web <http://moh.spab.gov.my> atau facebook Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan www.facebook.com/jknselangor jika terdapat aduan berkaitan dengan keselamatan makanan.

YBHG. DATO' DR. KHALID BIN IBRAHIM
PENGARAH KESIHATAN NEGERI SELANGOR

20 SEPTEMBER 2019

OPS MINUMAN BERALKOHOL 2019



Pegawai sedang meneliti label pada produk minuman beralkohol



Rampasan produk minuman beralkohol yang menyalahi peruntukan di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985



Hasil rampasan "Ops Minuman Beralkohol" sedang disita